



فرتوبوهن كبغساءن ملايو برساتو
PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU
(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION) UMNO

No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

SETIAUSAHA AGUNG

KENYATAAN MEDIA

UMNO ingin memaklumkan pengguguran keahlian empat ahlinya, yang didapati telah mencalonkan diri bagi bertanding mewakili parti lawan pada Pilihan Raya Umum Ke-15 selepas proses penamaan calon diterima oleh Suruhanjaya Pilihan Raya pada Sabtu lalu.

Empat ahli berkenaan ialah Datuk Zahidi Zainul Bin Abidin yang bertanding sebagai calon bebas bagi kawasan Padang Besar, Datuk Seri Shahidan Bin Kassim (Parlimen Arau), Dato' Sri Ismail Bin Abd Muttalib (Parlimen Maran) dan Datuk Azhar Bin Ahmad bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Kuala Perlis.

Pengguguran keahlian keempat-empat mereka ini adalah selaras dengan Fasal 20.11 Perlembagaan UMNO, yang dengan jelas menyebut "Seseorang ahli yang menang bertanding dan meninggalkan parti, atau bertanding sebagai calon bebas atau parti lawan dalam pilihan raya Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri akan gugur keahlian dengan sendirinya".

Dengan pengguguran keahlian ini, jawatan mereka di peringkat UMNO Bahagian akan dipangku oleh Timbalan Ketua UMNO Bahagian yang berkenaan.

UMNO juga ingin menegaskan, beberapa ahli lain termasuk mereka yang dilihat mengiringi keempat-empat calon berkenaan semasa proses penamaan calon yang boleh disifatkan sebagai menyokong calon parti lawan kini sedang dalam proses siasatan sebelum tindakan lanjut diambil.

Sekian, terima kasih

DATUK SERI HAJI AHMAD BIN MASLAN
SETIAUSAHA AGUNG UMNO
7 NOVEMBER 2022



Rakyat Didahulukan
People First



46322/A/0001/UK/En

BERSATU - BERSETIA - BERKHIDMAT

Surat-surat hendaklah dialamatkan kepada: Setiausaha Agung, Ibu Pejabat Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO
Tingkat 38, Menara Dato' Onn, Jalan Tun Ismail, 50480 KUALA LUMPUR. Tal: 03-40429511 Faks: 03-40416955
Peti Surat 11782, 50756 KUALA LUMPUR.

Laman Web : www.umno-online.com | e-Mel: info@umno.org.my